

Untuk Siaran Segera

Pemancut Air Cuci Mudah Terbaru Panasonic

Pengalaman Pembersihan Optimum

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2009 – Panasonic Malaysia memperkenalkan pengalaman pembersihan terbaru untuk bilik mandi. Dalam gaya hidup moden, pemancut air telah menjadi satu bantuan tidak ternilai untuk kebersihan diri, memberikan satu tahap kebersihan yang baru, tidak hanya boleh dicapai dengan pengelapan kecil, cucian dan mandian. Alat ini membersihkan pengguna dengan air yang dipancutkan dari muncungnya. Ia dengan mudah melakukan pembersihan, dimana ia memudahkan dan bersih berbanding mengelap menggunakan tisu tandas. Ia memberikan pengalaman kebersihan dan keselesaan bilik mandi pada pengguna.

Dengan memahami situasi pasaran masa kini, Panasonic memperkenalkan satu keselesaan tahap baru – Pemancut Air Cuci Mudah – DL-AB10, bagi menggantikan kaedah yang sebelumnya seperti membersihkan menggunakan hos air, kertas tandas, air yang diambil daripada baldi dan pembersihan tangan. Kali ini, pengguna boleh menjadikan bilik mandi kepada salah satu tempat yang menarik didalam rumah. Pembersihan yang praktikal memperlihatkan bagi anda dan keluarga untuk memastikan bilik air yang selesa, bersih dan pengalaman-pengalaman yang lebih selesa.

Pemancut air Mudah cuci Panasonic menggabungkan teknologi Ag + Crystal Antibacterial, yang diperkenalkan di Jepun sebagai satu penyelesaian terhadap anti-bakteria pada tempat duduk tandas, tip muncung berkembar dan tombol pengawalan. Ions perak (Ag+) memberikan kesan terhadap metabolisme bakteria dengan memusnahkan dinding sel dengan berkesan menyekat pertumbuhan bakteria dan kulat. Ini adalah untuk menggantikan bilik air anda dengan bersih, seterusnya memberikan pengalaman dan penyenggaraan pembersihan yang lebih mudah.

Untuk ciri-ciri pembersihan, pemancut air EzyClean didatangkan dengan muncung-muncung kembar – basuhan keluarga dan feminin dengan tombol-tombol pengawalan untuk menyesuaikan jumlah air untuk pembersihan. Untuk muncung keluarga, ia mempunyai satu tiub tunggal dengan aliran air lurus untuk pembersihan berkesan manakala muncung tiub untuk wanita adalah direka dengan lima buah lubang dengan aliran air semburan lembut untuk pembersihan yang lebih selesa.

Seperkara lagi, pemancut air EzyClean Panasonic, direka dengan bentuk yang ergonomik untuk menyesuaikan mangkuk tandas saiz-saiz daripada 330mm hingga 360mm. Ia telah menggunakan suatu konsep DIY untuk pemasangan mudah dan merombak tanpa menggunakan bekalan elektrik dan kerja pendawaian. Dengan liputan boleh tanggal, tandas duduk dan muncung pembersihan, bagi penyenggaraan dibuat dengan mudah.

Menurut profesional-profesional penjagaan kesihatan, geseran berlebihan dan kuat kawasan kemaluan dengan kertas tandas kasar akan menyebabkan luka-luka yang membawa kepada ketidakselesaan dan jangkitan yang mungkin berlaku. Pemancut air EzyClean Panasonic adalah disyorkan untuk jangkitan seperti penyakit buasir, ruam dan kelemahan, dengan membantu untuk mengurangkan kesakitan dan mengawal pembersihan. Ia juga sesuai untuk golongan tua, kanak-kanak, pengguna yang lumpuh

Pemancut air EzyClean - DL-AB10 boleh didapati dari pengedar sah Panasonic seluruh negara pada satu harga berpatutan RM 499.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 012 694 5966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Christy Wong Seow Chui
Eksekutif Produk, Jabatan Pemasaran HA
Tel: 03-7809 7604 Faks: 03-7955 2848
Emel: christy.wong@my.panasonic.com

###